

## **PENGETAHUAN DAN PEMAHAMAN MAHASISWA DIPLOMA TAHFIZ WA AL QIRAAT INSTITUT TAHFIZ AL QURAN NEGERI SEMBILAN (ITQAN) MENGENAI ASAS ILMU HADIS**

*Muhammad Asyraf Ahmad dan Norashikin Anjur  
Kolej Komuniti Tampin*

**Abstrak:** Hadis merupakan rujukan umat islam dan sumber syariat kedua selepas al-Quran. Setiap fakulti pengajian islam di instuti pengajian tinggi awam atau swasta pasti menyediakan kursus asas ulmu hadis. Kursus ini dikenali dengan beberapa nama antaranya adalah ulum hadis dan metodologi ilmu hadis. Pemahaman dan pengetahuan ilmu hadis adalah sangat penting bagi mengelakkan syariat dan akidah bercampur dengan sumber tidak sahih iaitu penipuan terhadap baginda SAW. Fokus kajian ini adalah untuk mebgukur tahap pengetahuan dan pemahaman mahasiswa ITQAN mengenai asas ilmu hadis. Objektif kajian ini ialah untuk mengukur tahap pengetahuan dan pemahaman asas ilmu hadis para mahasiswa yang memmahasiswainya. Responden kajian ini adalah mahasiswa-mahasiswa Diploma Tahfiz wa al Qiraat yang terdiri daripada 30 orang mahasiswa semester empat (4) dan 18 orang mahasiswa semester enam (6). Jumlah responden adalah 48 orang mahasiswa. Pendekatan kuantitatif telah menjadi pilihan penyelidik iaitu penyelidik mengedarkan soal selidik kepada responden. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan microsoft excel untuk mencari nisbahkadar frekuensi dan peratusan. Hasil kajian mendapati para mahasiswa Diploma Tahfiz wa al Qiraat mempunyai penguasaan, pemahaman dan pengetahuan yang baik berkenaan dengan asas ilmu hadis.

**Kata kunci:** Ulum Hadis, Pemahaman, Pengetahuan

### **1.0 Pengenalan**

Islam merupakan agama yang berpegang teguh dengan Al Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Al Quran telah diketahui kesahihannya kerana ia sampai kepada kita dengan sifat yang mutawatir. Sifat ini tidak berlaku pada semua hadis Rasulullah SAW. Hal ini kerana hadis yang sampai kepada para sahabat nabi SAW kebanyakan berbentuk ahad. Justeru, ilmu ulum hadis amat penting kepada umat islam secara am agar umat islam dapat mengetahui perbezaan di antara hadis nabi SAW yang benar datang dari lidah baginda berbanding hadis-hadis yang palsu, direka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

### **2.0 Sorotan Karya**

Pelbagai kajian telah dijalankan dalam perkembangan, pemahaman, kepentingan dan penggunaan ilmu hadis sebagai rujukan umat islam di seluruh dunia. Usaha menambah baik tahap kefahaman masyarakat serta kajian terhadap kepentingan ilmu hadis ini dapat meningkatkan kesedaran umum tentang kepentingan rujukan berasaskan hadis dalam kehidupan umat islam. Pembelajaran ilmu hadis menjadi perkara penting di kalangan mahasiswa pengajian islam di mana kepentingan menghafaz al-Hadis dijadikan sebagai pelengkap kepada kurikulum mahasiswa tahfiz. Hujah itu dikuatkan lagi dengan dapatan tentang kandungan dan kaedah yang sesuai untuk diamalkan oleh mahasiswa dari sudut pandangan guru agama di sekolah tahfiz di Kuala Lumpur dan Putrajaya, Malaysia. Tinjauan yang telah dijalankan mendapati kebanyakan responden bersetuju bahawa al-Hadis perlu dihafaz dalam bentuk sanad dan matan yang sempurna. Manakala kitab al-Arba'in an-Nawawiyyah telah dipilih sebagai kandungan yang paling ideal di antara beberapa kitab al-Hadis yang dicadangkan. Kaedah tasmi' dianggap paling sesuai untuk diamalkan dalam menghafaz al-Hadis. Dapatan dan perbincangan kajian tersebut merumuskan bahawa hafazan

al-Hadis merupakan cadangan yang bernas dalam melengkapkan kurikulum mahasiswa tahfiz (Saidi & Jamil, 2021).

Penguasaan dan penghafalan hadis amat wajar untuk diterapkan dalam pendidikan tahfiz untuk melahirkan lebih ramai aset negara yang berkualiti. Tinjauan yang telah dijalankan mendapati keperluan dan kepentingan hafazan hadis kepada mahasiswa tahfiz disokong oleh dua butiran yang dinisbahpaling tinggi adalah berorientasikan junjungan Nabi Muhammad s.a.w iaitu untuk menghayati keperibadian dan mendorong mahasiswa untuk kasih kepada baginda (Saidi & Jamil, 2020). Di samping itu penguasaan terhadap ilmu hadis ini perlu ditekankan di kalangan ulama dan agamawan yang ingin berinteraksi, memahami dan mengambil hukum hakam daripadanya. Pemain-pemain hadis di kalangan ilmuwan perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu alat yang sepatutnya bagi mengurangkan terjadinya khilaf, perbalahan dan pertikaian yang tidak pernah selesai. Pentafsiran hadis bukan sekadar membaca teks hadis secara literal, namun adalah penting untuk merujuk kepada disiplin ilmu dan keperluan asasnya. Pemain-pemain hadis perlu mengutamakan keupayaan menyemak dan merujuk ilmu hadis ini supaya tidak mengambil apa sahaja dan menyampaikan apa sahaja tanpa tapisan yang cukup (Baru *et al.*, 2021).

Menelusuri kemodenan arus pendidikan, M-pembelajaran secara langsung atau tidak langsung mencipta gaya baru untuk pengajaran dan pembelajaran ilmu hadis di mana mahasiswa boleh mencapai sumber hadis di mana-mana sahaja dengan bergantung kepada capaian jaringan internet (Rosdi *et al.*, 2021). Disamping pembelajara M-pembelajaran tersebut, capaian ilmu hadis dipermudahkan lagi dengan aplikasi ensiklopedia 9 imam versi android. Kepentingan menuntut ilmu tidak membataskan penyebaran teks-teks hadis di media sosial tambahan ia juga boleh dicapai melalui aplikasi di telefon bimbit. Kemajuan era globalisasi menjadikan kaedah pembelajaran melalui jaringan internet tanpa sepadan dan membolehkan ilmu hadis terus tersebar serta berkembang dalam dakwah kepada umat islam di seluruh dunia tidak mengira bangsa dan peringkat umur (Maulid, 2022). Namun golongan yang tidak menguasai teknologi digital seperti warga emas juga perlu diberikan pengajaran tentang ilmu hadis. Bahkan, era globalisasi teknologi digital juga boleh meyebabkan keciciran golongan yang lebih tertarik dengan bahan teknologi digital selain perkara berkaitan ilmu hadis. Penyebaran ilmu hadis secara bersemuka juga harus dilakukan untuk memastikan ilmu pemahaman hadis terus tersebar ke seluruh pelusuk dunia (Murtam *et al.*, 2021).

Kepentingan hadis diterapkan dalam kurikulum program pendidikan yang dinamakan Ilmu Hadis di negara seperti Indonesia (Adriansyah & Hendro, 2020; Fatia & Gusmaneli, 2022). Pengajian hadis juga merupakan antara mata mahasiswaan terpenting yang dimahasiswai oleh mahasiswa Pengajian Islam di beberapa IPTA tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Yabi *et al.*, 2020). Kepentingan ilmu hadis terbukti di mana ilmu hadis diaplikasikan dalam perundangan islam (Asni *et al.*, 2021; Basir *et al.*, 2022). Hadis sebagai rujukan kedua kepada umat islam membawa kepentingan penguasaan ilmu ini dengan lebih baik lagi terutama kepada perintis-perintis agamawan yang bakal dilahirkan sebagai golongan pendakwah dalam kalangan generasi baru agar penggunaannya diterima baik dan menjamin keharmonian sejagat. Kajian dan tinjauan terhadap pemahaman asas ilmu hadis di kalangan mahasiswa tahfiz ini dapat memberikan maklumat tentang pemahaman mahasiswa-mahasiswa tersebut berkaitan ilmu hadis. Seterusnya ia akan memberi perhatian kepada golongan agawan dan ahli akademik untuk terus meningkatkan penguasaan ilmu hadis di kalangan mahasiswa tahfiz seluruh Malaysia.

### **3.0 Metodologi Kajian**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan dan soal selidik. Borang soal selidik dibina dengan mengumpulkan maklumat penting yang menjadi kayu ukur bagi kemahiran seseorang tentang asas ilmu hadis. Setelah borang soal selidik telah disiapkan, penyelidik mengedarkan borang soal selidik kepada mahasiswa Diploma Tahfiz Wa Al Qiraat melalui pegawai Hal Ehwal Mahasiswa, ITQAN. Manakala pendekatan kuantitatif dipilih dalam melaksanakan kajian ini kerana penyelidik ingin membuat analisis deskriptif bagi menisbah tahap pengetahuan dan pemahaman mahasiswa berdasarkan borang soal selidik yang telah dibina. Instrumen kajian ini adalah merujuk kepada instrumen kajian Hamzani, I., Ainul Nadzifah, M. A., Shuhaib, S., Noor Hanisah, A. H. (2021).

#### **Lokasi, Populasi dan Sampel**

Penyelidik memilih Institut Tahfiz al Quran Negeri Sembilan (ITQAN) sebagai lokasi kajian. Ini kerana penyelidik merupakan seorang pensyarah Pendidikan Islam di Kolej Komuniti Tampin yang berdekatan dengan institut tersebut. Institusi Pengajian Tinggi ini terletak Gemencheh, Neberi Sembilan. ITQAN merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang menawarkan program Diploma Tahfiz Wa al-Qiraat. Institusi ini menawarkan bidang ini disamping mahasiswa lepasan Sijil Mahasiswaan Malaysia (SPM) khususnya anak-anak muda di negeri Negeri Sembilan. Dalam konteks kajian ini, pemilihan sampel kajian diambil daripada populasi kajian yang terdiri daripada mahasiswa Diploma Tahfiz wa Al Qiraat. Seramai 48 orang responden telah terlibat dalam kajian ini iaitu mahasiswa semester empat (4) dan enam (6).

### **4.0 Analisis Data**

#### **Demografi Responden**

Jadual 1 merujuk kepada demografi responden yang terdiri daripada butiran seperti jantina, umur dan semester. Responden merupakan mahasiswa ITQAN yang terdiri daripada 30 orang mahasiswa semester empat (4) dan 18 orang mahasiswa semester enam (6). Responden terdiri daripada lelaki dan perempuan. Jumlah mahasiswa lelaki adalah 27 orang dan jumlah perempuan pula adalah 21 orang. Jumlah kesemua responden adalah 48 orang mahasiswa. Peratus mahasiswa lelaki adalah 56 peratus manakala perempuan adalah 44 peratus. Jumlah mahasiswa lelaki adalah melebihi mahasiswa perempuan dengan kadar 12 peratus. Umur responden adalah bermula dari 19 tahun hingga 22 tahun. Mahasiswa berumur 19 tahun hanya ada 1 orang iaitu 2 peratus daripada keseluruhan mahasiswa. Mahasiswa berumur 20 tahun pula adalah seramai 23 orang iaitu 48 peratus. Manakala mahasiswa berumur 21 tahun adalah seramai 21 orang berselarian dengan 44 peratus dan hanya 3 orang sahaja mahasiswa berumur 22 tahun iaitu 6 peratus. Mahasiswa berumur 20 tahun adalah responden paling ramai kemudian diikuti responden berumur 21 tahun. Manakala responden paling sedikit adalah mahasiswa berumur 19 tahun kemudian diikuti mahasiswa berumur 22 tahun. Responden juga terbahagi kepada semester 4 dan semester 6. Responden daripada mahasiswa semester 4 adalah yang paling tinggi iaitu seramai 30 orang berselarian 63 peratus. Manakala mahasiswa semester 6 pula adalah seramai 18 orang iaitu 38 peratus.

Jadual 1: Data Demografi Responden

| Butiran  |           | Kadar frekuensi | Peratus (%) |
|----------|-----------|-----------------|-------------|
| Jantina  | Lelaki    | 27              | 56          |
|          | Perempuan | 21              | 44          |
| Umur     | 18        | 0               | 0           |
|          | 19        | 1               | 2           |
|          | 20        | 23              | 48          |
|          | 21        | 21              | 44          |
|          | 22        | 3               | 6           |
|          |           |                 |             |
| Semester | 4         | 30              | 63          |
|          | 5         | 0               | 0           |
|          | 6         | 18              | 38          |

### Pembahagian jenis-jenis hadis

Jadual 2 menunjukkan keputusan kajian deskriptif sebaran peratusan setiap butiran tentang pemahaman dan pengetahuan mahasiswa ITQAN tentang kumpulan-kumpulan hadis.

Jadual 2: Pemahaman Dan Pengetahuan Kumpulan-Kumpulan Hadis

| Butiran          | Kadar frekuensi | Peratus (%) |
|------------------|-----------------|-------------|
| Hadis Sahih      | 48              | 100         |
| Hadis Dhaif      | 47              | 98          |
| Hadis Hasan      | 47              | 98          |
| Hadis Lighairihi | 41              | 85          |
| Hadis Muallaq    | 32              | 67          |
| Hadis Lizatihi   | 37              | 77          |
| Hadis Mungkar    | 33              | 69          |
| Hadis Mastur     | 17              | 35          |
| Hadis Matruk     | 32              | 67          |

Dalam kajian ini, kumpulan hadis sahih menjadi butiran yang memperolehi kadar frekuensi tertinggi, iaitu berjumlah 48 orang responden (100%). Dituruti dengan 2 nisbah kadar frekuensi yang selari iaitu kedua yang tertinggi selepas kumpulan hadis sahih merupakan

kumpulan hadis hasan dan kumpulan hadis dhaif, iaitu sebanyak 47 orang responden berselarian 98%. (47 orang responden). Kemudian, seramai 41 orang responden (85%) yang memberi jawapan kumpulan hadis lighairihi terdiri daripada kumpulan-kumpulan hadis. Kumpulan hadis lizatihi pula mendapat nisbah kadar frekuensi seramai 37 orang responden berselarian 47%. Munkar pula mendapat nisbahkekerpan sebanyak 33 orang responden berselarian 69%. Penyelidik mendapati ada dua lagi butiran yang mendapat nisbah kadar frekuensi yang serupa iaitu sebanyak 32 orang responden (67%), iaitu kumpulan hadis muallaq dan kumpulan hadis matruk. Yang terakhir, kumpulan hadis mastur mendapat nisbahkadar frekuensi terendah iaitu 17 orang responden (35%).

### Sifat-sifat Hadis

Jadual menunjukkan tiga pembehasilan sifat-sifat kumpulan hadis. Yang pertama: sifat-sifat kumpulan hadis sahih. Kedua: sifat-sifat kumpulan hadis hasan. Ketiga: sifat kumpulan hadis dhaif. Setiap kumpulan mempunyai kadar frekuensi dan peratusan yang berlaianan.

Jadual 3 Pengetahuan Dan Pemahaman Sifat-Sifat Hadis Sifat Hadis Sahih

| Butiran                                          | Kadar frekuensi | Peratus (%) |
|--------------------------------------------------|-----------------|-------------|
| Bersambung Sanad.                                | 48              | 100         |
| Hadis Yang Baik.                                 | 39              | 81          |
| Perawi Yang kurang Sempurna Hafazannya.          | 47              | 98          |
| Terdapat Perawi Hadis Palsu.                     | 9               | 19          |
| Perawi Yang bersifat Adil.                       | 47              | 98          |
| Mutawattir.                                      | 42              | 88          |
| Tidak Janggal.                                   | 46              | 96          |
| Terdapat pada Sahih Al-Bukhari Dan Muslim Sahaja | 20              | 42          |
| Tiada Kecacatan.                                 | 46              | 96          |
| Perawi Yang Kurang Kurang Sempurna Hafazannya    | 8               | 17          |
| Perkataan Yang dicipta Atas Nama Rasulullah Saw  | 12              | 25          |

Berdasarkan data yang dipaparkan dalam jadual, sifat Bersambung Sanad merupakan sifat hadis sahih yang mendapat kadar frekuensi paling tinggi iaitu 100% (48 orang responden. Diikuti dua sifat hadis Perawi Yang Dhabit (Sempurna Hafazannya) dan Perwai Yang Adil mendapat nisbahkadar frekuensi yang selari iaitu 47 orang responden berselarian dengan 98%. Seterusnya penyelidik juga mendapati dua lagi sifat-sifat hadis yang mendapat nisbahkadar frekuensi yang selari iaitu sifat hadis Tidak Syaz (Janggal) dan sifat hadis Ketiaadaan Illah (Kecacatan), mendapat nisbahkadar frekuensi sebanyak 46 responden berselarian dengan 96%. 42 orang responden berselarian 88% memberi jawapan sifat hadis sahih adalah Mesti Mutawattir. Terdapat juga 42% responden iaitu 20 orang mahasiswa memberikan jawapan sifat hadis sahih sebagai Di Dalam Sahih Bukhari Dan Muslim Sahaja. Penyelidik mengenal pasti seramai 12 orang responden memberi jawapan sifat hadis sahih adalah Hadis Yang Direka Atas Nama Rasulullah SAW. Diikuti 9 orang responden berselarian 19% memberi jawapan terdapat Perawi Hadis Palsu sebagai sifat hadis sahih dan yang terakhir sebanyak 7 responden iaitu

18% memberi jawapan sifat hadis sahih adalah Perawi Yang Kurang Dhabit (Kurang Sempurna Hafazannya).

Jadual 4: Sifat Hadis Hasan

| Butiran                             | Kadar frekuensi | Peratus (%) |
|-------------------------------------|-----------------|-------------|
| Bersambung Sanad.                   | 45              | 94          |
| Hadis Yang Baik.                    | 43              | 90          |
| Perawi Yang Kurang Sempurna Hafazan | 35              | 73          |
| Asal Hadis adalah Palsu.            | 3               | 6           |
| Perawi Yang bersifat Adil.          | 47              | 98          |
| Tidak Janggal.                      | 43              | 90          |
| Terdapat Perawi Hadis Munkar        | 5               | 10          |
| Tiada Kecacatan.                    | 43              | 90          |

Keputusan dapatan data di jadual 4 memperolehi sebanyak 47 orang responden (98%) memberikan jawapan sifat hadis hasan adalah Perawi Yang Adil diikuti 45 orang responden (94%) memberi jawapan Bersambung Sanad. Penyelidik mengenalpasti terdapat 3 butiran yang mendapat nisbahkadar frekuensi yang selari, sebanyak 43 orang responden (90%) memberi jawapan sifat hadis hasan adalah Hadis yang baik, Tidak syaz (janggal) dan Ketiiadaan 'Illah (kecacatan). Seterusnya, terdapat 35 orang responden berselarian 73% memberikan jawapan sifat hadis hasan adalah Perawi yang kurang dhabit (kurang sempurna hafazan). 5 orang responden (10%) memberi jawapan sifat hadis hasan adalah Terdapat perawi munkar. Manakala butiran Hadis yang asalnya hadis palsu mendaat nisbahkadar frekuensi terendah iaitu sebanyak 3 orang responden (6%).

Jadual 5 Sifat Hadis Dhaif

| Butiran                                                 | Kadar frekuensi | Peratus (%) |
|---------------------------------------------------------|-----------------|-------------|
| Hadis Yang dicipta (Palsu)                              | 32              | 67          |
| Tiada Kecacatan                                         | 5               | 10          |
| Susur Galur Perawi Tidak mencapai Kepada peringkat Adil | 40              | 83          |
| Periwayatannya Kurang Kurang Sempurna Hafazannya.       | 46              | 96          |
| Asal hadis Palsu                                        | 30              | 63          |
| Sanad Yang terputus.                                    | 42              | 88          |
| Terdapat Janggal                                        | 45              | 94          |
| Terdapat Perawi Thiqah Yang Ramai Di Dalam Sanad Hadis  | 10              | 21          |
| Terdapat Kecacatan                                      | 44              | 92          |

Jadual 5 menemui butiran yang memperolehi jumlah tertinggi adalah periwayatannya kurang kurang sempurna hafazannya iaitu seramai 46 orang responden (96%). Butiran kedua yang mendapat kadar frekuensi yang tertinggi adalah Terdapat janggal iaitu seramai 45 orang responden (94%). 44 orang responden (92%) memberi jawapan terdapat Terdapat kecacatan sebagai sifat-sifat hadis dhaif. Sanad yang tidak bersambung mendapat nisbah kadar frekuensi seramai 42 orang responden (88%). Terdapat juga responden yang memberi jawapan Susur galur perawi tidak mencapai kepada peringkat adil sebagai sifat-sifat hadis dhaif, iaitu seramai 40 orang responden (83%). 67% (32 orang) daripada responden memberi jawapan antara sifat-sifat hadis dhaif adalah Hadis yang dicipta (palsu). Seramai 30 orang berselarian 63% responden memberikan jawapan Hadis yang pada asalnya palsu sebagai sifat-sifat hadis dhaif. Seterusnya, terdapat 10 orang (21%) responden memberi jawapan sifat hadis dhaif adalah Terdapat perawi thiqah yang ramai di dalam sanad hadis. Butiran yang memperolehi nisbahkadar frekuensi terendah adalah tiada kecacatan, iaitu sebanyak 5 orang responden (10%).

## Takrif

Analisis deskriptif yang melibatkan kadar frekuensi dan peratusan dilakukan untuk menentukan tahap pemahaman dan pengetahuan mahasiswa ITQAN tentang takrif sanad dan matan.

Jadual 6: Takrif Sanad

| Butiran                                                                             | Kadar frekuensi | Peratus (%) |
|-------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|-------------|
| Susur jalur Perawi Dan perkataan-perkataan Yang Digunakan Untuk Sampai Kepada Matan | 47              | 98          |
| Nama perawai terawal                                                                | 34              | 71          |
| Teks Hadis                                                                          | 16              | 33          |
| Nama Perawi terakhir                                                                | 29              | 60          |
| Nama Kitab Yang Meriwayatkan Hadis Tersebut                                         | 14              | 29          |

Jadual 6 memaparkan seramai 47 orang iaitu 98% responden memilih takrif sanad adalah susur jalur perawi dan perkataan-perkataan yang digunakan untuk sampai kepada matan. Kadar frekuensi kedua tertinggi selepas susur jalur perawi dan perkataan-perkataan yang digunakan untuk sampai kepada matan adalah nama perawi terawal, iaitu sebanyak 34 orang responden (72%). Kemudian, 29 orang responden iaitu 60% memilih definisi sanad adalah Nama perawi terakhir. Seterusnya, 16 orang responden (33%) memberikan jawapan Teks Hadis. Manakala nisbah kadar frekuensi yang paling rendah adalah butiran Nama kitab yang meriwayatkan hadis tersebut iaitu sebanyak 14 orang responden (29%).



Jadual 7 : Takrif Matan

| Butiran                                     | Kadar Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------------------------------------|-----------------|-------------|
| Teks Hadis                                  | 47              | 98          |
| Nama Perawi terawal                         | 13              | 27          |
| Nama Kitab Yang Meriwayatkan Hadis Tersebut | 21              | 44          |
| Nama Perawi terakhir                        | 4               | 8           |
| Nama Kitab Yang Meriwayatkan Hadis Tersebut | 18              | 38          |

Jadual 7 mempamerkan butiran teks hadis mendapat nisbah kadar frekuensi yang paling tinggi, iaitu seramai 47 orang responden (98%). Dituruti Nama kitab yang meriwayatkan hadis tersebut, iaitu seramai 21 orang responden berselarian 44%. Kadar frekuensi ketiga paling tinggi untuk takrif matan adalah nama kitab yang meriwayatkan hadis tersebut, iaitu seramai 18 orang responden (38%). Seterusnya, 13 orang responden berselarian 27% memberi jawapan takrif matan adalah Nama perawi terawal. Manakala nisbah kadar frekuensi yang terendah adalah butiran Nama perawi terakhir iaitu sekadar 4 orang responden (8%).

## Sunan Sittah

Penyelidik mendapati majoriti mahasiswa di ITQAN mempunyai pengetahuan yang baik tentang Sunan Ibnu Majah sebagai sunan sittah. Seramai 48 orang responden berselarian 100% telah memberi jawapan Sunan Ibnu Majah sebagai salah satu daripada sunan sittah. Kitab sunan sittah yang memperolehi nisbahkadar frekuensi terendah adalah sunan an-Nasa'ie, iaitu seramai 41 orang responden (85%).

Berdasarkan jadual 9, Sunan Ibnu Majah dipilih secara majoriti sebagai salah satu dari sunan sittah, iaitu seramai 48 orang responden (100%). Manakala sahih Bukhari mendapat tempat kedua iaitu seramai 45 orang responden (94%). Penyelidik mendapati terdapat 3 butiran yang mendapat nisbahkadar frekuensi yang selari selepas Sahih Bukhari. Sahih Muslim, Sunan at Tirmiza dan Sunan Abi Daud mendapat nisbahkadar frekuensi seramai 46 orang responden (96%). Diikuti dengan Sunan an-Nasa'ie, sebanyak 41 orang responden (85%). Penyelidik mendapati sebanyak 3 butiran sekali lagi mendapat nisbahkadar frekuensi yang selari iaitu 6 orang responden (13%) butiran itu adalah Tadrib al-Rawi, Siyar 'alam an-Nubala dan Sunan ad-Darimi. 2 lagi butiran yang mendapat nisbahkadar frekuensi yang selari adalah Ikmal tahdzib al-Kamal dan Sirah Ibnu Ishaq, seramai 5 orang responden (10%). Nisbahkadar frekuensi terendah adalah Tuhfat an-Nafis, iaitu seramai 4 orang responden (8%).



Jadual 8 : Pengetahuan Tentang Kutub Sittah

| Butiran                                                    | Kadar frekuensi | Peratus (%) |
|------------------------------------------------------------|-----------------|-------------|
| Adakah Sahih Al-Bukhari Sebahagian Dari Kutub Sittah       | 45              | 94          |
| Adakah Mustadrak Al-Hakim Sebahagian Dari Kutub Sittah     | 6               | 13          |
| Adakah Sunan An-Nasa'ie Sebahagian Dari Kutub Sittah       | 41              | 85          |
| Adakah Sunan Ibnu Majah Sebahagian Dari Kutub Sittah       | 48              | 100         |
| Adakah Tadrib Al-Rawi Sebahagian Dari Kutub Sittah         | 6               | 13          |
| Adakah Ikmal Tahdzib Al-Kamal Sebahagian Dari Kutub Sittah | 5               | 10          |
| Adakah Siyar 'Alam An-Nubala Sebahagian Dari Kutub Sittah  | 6               | 13          |
| Adakah Tuhfat An-Nafis Sebahagian Dari Kutub Sittah        | 4               | 8           |
| Adakah Sunan At-Tirmidzi Sebahagian Dari Kutub Sittah      | 46              | 96          |
| Adakah Sunan Ad-Darimi Sebahagian Dari Kutub Sittah        | 6               | 13          |
| Adakah Sunan Abu Dawud Sebahagian Dari Kutub Sittah        | 46              | 96          |
| Adakah Sahih Muslim Sebahagian Dari Kutub Sittah           | 46              | 96          |
| Adakah Sirah Ibnu Ishaq Sebahagian Dari Kutub Sittah       | 5               | 10          |
| Adakah Sunan As-Sughra Sebahagian Dari Kutub Sittah        | 11              | 23          |

## 5.0 Pembincangan dan Kesimpulan

Sahih, hasan dan daif ini merupakan jawapan bagi soal selidik dan ketiga-tiga jawapan ini yang memiliki nisbahkadar frekuensi paling tinggi. Seramai 48 orang responden (100%) memberi jawapan sahih, 47 orang responden (98%) memberi jawapan dhaif dan 47 orang responden (98%) memberi jawapan hasan. Hasil kajian mendapati hampir separuh daripada mahasiswa-mahasiswa ITQAN mempunyai pengetahuan yang baik tentang kumpulan pembahagian hadis. Selain itu, tahap pemahaman dan pengetahuan mahasiswa-mahasiswa program Diploma Tahfiz wa Al Qiraat tentang sifat-sifat hadis sahih adalah dalam tahap yang sangat baik. Kesemua jawapan yang mendapat nisbahperatusan antara yang tertinggi adalah jawapan bagi sifat-sifat hadis sahih tersebut. 100% berselarian 48 orang responden memberi jawapan bersambung sanad adalah sifat-sifat hadis sahih. Seterusnya, 98% berselarian 47 orang responden memberi jawapan Perawi yang dhabit (sempurna hafazannya) dan Perawi yang adil. Akhir sekali, 96% berselarian 46 orang responden memberi jawapan Tidak syaz (janggal) dan Ketiadaan 'Illah (kecacatan).

Namun malangnya, mahasiswa-mahasiswa program Diploma Tahfiz wa Al Qiraat ITQAN mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang memuaskan terhadap sifat-sifat hadis hasan. Pertama, perawi yang adil, iaitu seramai 47 orang responden (98%). Kedua, bersambung sanad iaitu 45 orang responden (94%). Ketiga, ketiadaan 'Illah, dan tidak syaz (janggal), iaitu seramai 43 orang responden (90%). Keempat, hadis yang baik, iaitu seramai 35 orang responden (73%). Kesemua butiran yang dinyatakan dengan nilai kadar frekuensi dan peratusan di atas adalah jawapan kepada sifat-sifat hadis hasan kecuali hadis yang baik. Butiran ini bukan jawapan bagi sifat-sifat hadis hasan. Butiran yang terakhir yang sepatutnya menjadi

jawapan kepada sifat-sifat hadis adalah perawi yang kurang dhabit (kurang sempurna hafazannya), iaitu sebanyak 35 orang responden (73%).

Pengetahuan tentang hadis dhaif adalah pada peringkat yang sangat baik. Sebanyak 46 orang responden (96%) yang memberi jawapan terdapat periwayatannya kurang dhabit (kurang sempurna hafazannya) Diikuti sanad yang terdapat janggal, iaitu seramai 45 orang responden (94%). Seterusnya, kecacatan, iaitu sebanyak 44 orang responden (92%). Responden juga memberi jawapan tidak bersambung iaitu sebanyak 42 orang (88%). Akhir sekali, susur galur perawi tidak sampai kepada martabat adil, iaitu sebanyak 40 orang responden (83%).

Disamping itu, pemahaman dan pengetahuan responden berkenaan takrif sanad berada tahap baik, iaitu sebanyak 47 orang responden berselarian 98% iaitu butiran rangkaian perawi dan lafaz-lafaz yang digunakan untuk sampai kepada matan. Pemahaman dan pengetahuan responden berkenaan takrif matan juga berada pada peringkat sangat baik, seramai 47 orang responden (98%) memilih teks hadis sebagai jawapannya.

Berdasarkan hasil kajian berkenaan dengan pengetahuan terhadap sunan sittah, tahap pengetahuan mahasiswa berada pada tahap sangat baik, kerana kesemua butiran yang memperolehi nilai kadar frekuensi dan peratusan yang tinggi adalah jawapan bagi sunan sittah ini. Seramai 98 orang responden (78.4%) memberi jawapan Sunan Ibnu Majah. Dituruti Sahih Muslim, sunan at-Tirmidzi dan Sunan abu Daud, iaitu seramai 46 orang responden (96%). Seterusnya, Sahih al-Bukhari, iaitu seramai 45 orang responden berselarian 94%. Sunan an-Nasa'ie mendapat kadar frekuensi seramai 41 orang responden berselarian 85%.

Kesimpulannya. mahasiswa Diploma Tahfiz wa Al Qiraat ITQAN secara amnya mempunyai tahap pemahaman yang baik tentang kumpulan pembahagian hadis, sifat hadis sahih, sifat hadis daif, takrif sanad dan matan dan sunan sittah. Walaubagaimanapun, mahasiswa-mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan yang memuaskan berkenaan dengan sifat hadis hasan. Sebagai seorang penuntut ilmu agama, mahasiswa-mahasiswa seharusnya menguasai asas-asas ilmu hadis dengan baik kerana ilmu hadis merupakan cabang ilmu yang sangat penting bagi seorang yang bakal bergelar agamawan.

## RUJUKAN

- Adriansyah, N. Z., & Hendro, B. (2020). Distingi studi Hadis di PTKIN UIN Raden Fatah Palembang (Studi Kurikulum prodi Ilmu Hadis). *Jurnal Ilmu Agama : Mengkaji Doktrin, Pemikiran, Dan Fenomena Agama*, 21(2), 235–262.
- Asni, F., Sulong, J., & Ismail, A. (2021). Analysis of the Use of Daif Hadith in the Fatwa on Islamic Inheritance Law (Faraid) in Malaysia. *Islamiyyat*, 43(2), 17–26.
- Baru, R., Alijan, S., & Abdullah, F. I. (2021). Pengupayaan Interaksi Hadis Dalam Kalangan Agamawan [Empowerment of Hadith Interaction Among Scholars]. *International Social Science and Humanities Journal*, 4(4), 42–49.
- Basir, S. A., Othman, M. R., & Mahmod, Z. (2022). Penulisan Alasan Penghakiman dan Prosedur di Mahkamah Syariah Berpandukan Hadis: Analisis Pemakaian dan Pengecualian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001947.
- Fatia, A., & Gusmaneli, G. (2022). The development of the curriculum of the science of hadith study program in univercities highly islamic religion. In 2nd UIN Imam Bonjol International Conference on Islamic Education, pp. 1–11.
- Hamzani, I., Ainul Nadzifah, M. A., Shuhaib, S., Noor Hanisah, A. H. (2021). Pengetahuan dan Pemahaman Pelajar Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) Mengenai Asas Ilmu Hadis. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(3): 195-210.

- Maulid, P. H. (2022). Analisis Aplikasi Ensiklopedia Hadis 9 Imam Versi Android Sebagai Sarana Dakwah Di Media Sosial. *Jurnal Penelitian Ilmu Ushuluddin*, 2(2), 312–330.
- Murtam, N. S., Zakaria, S. N., & Yunos, M. F. M. (2021). Hadis Studies in Kuantan, Pahang Mosques: A Preliminary Overview. *Jurnal Al-Sirat*, 2(19), 160–162.
- Rosdi, A. Z., Hassan, S. N. S., & Mahfuz, M. S. (2021). Penerimaan Mahasiswa dan Penggunaan M-Pembelajaran terhadap Pengajian Hadis: Student Acceptance and Use of M-Learning toward Hadith Studies. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 100–112.
- Saidi, N. F. M., & Jamil, A. I. (2020). Keperluan Hafazan Hadith Dalam Kalangan Mahasiswa Sekolah Tahfiz: Pandangan Guru-Guru Agama Di Kuala Lumpur Dan Putrajaya. *Journal of Islamic Educational Research*, 5, 21–28.
- Saidi, N. F. M., & Jamil, A. I. (2021). Contents and Methods of al-Hadith Memorization: Perceptions of Religious Teachers in Tahfiz Schools Around Kuala Lumpur and Putrajaya. *Educan: Jurnal Pendidikan Islam*, 5(2), 243–261.
- Yabi, S., Ibrahim, N., Yusof, A. M., & Amin, M. F. (2020). Students' Perception on Teaching and Learning of Ulum Hadith: A Comparative Study in Malaysian Higher Public Educational Institutions. *Journal of Xi an Shiyu University, Natural Science Edition.*, 16(12).